

BAB VI
PENUTUP

6.1 Pencapaian Objektif

Dengan berakhirnya kajian ini, maka objektif yang hendak dicapai dalam penelitian Syair Kenangan dapatlah disimpulkan iaitu:-

1. Pengkaji telah dapat mentransliterasi Syair Kenangan kedalam tulisan rumi sebagai yang termuat dalam judul 'Transliterasi Syair Kenangan' di hal. 462 .
2. Menerusi penelitian ini, pengkaji juga telah dapat mengetengahkan sebahagian daripada ciri-ciri dialek Melayu Brunei dengan kekayaannya yang masih belum dibongkar.
3. Pengkaji juga telah dapat mengemukakan ketokohan pengarang Muda Omar 'Ali Saifuddin yang bukan hanya sebagai seorang raja dan pemimpin tetapi

juga seorang seniman yang berwibawa. Kewibawaan baginda sebagai seorang pemimpin telah banyak disentuh dalam bab III. Dasar kepimpinan baginda yang menonjol ialah yang berteraskan Islam. Ini jelas dibuktikan daripada himpunan-himpunan buah fikiran yang banyak terungkap dalam Syair Kenangan (bab 1V - Estetika Dalaman) dan syair-syair baginda yang lain.

Manakala kewibawaan baginda sebagai seorang seniman pula terserlah di dalam huraian Estetika Luaran iaitu cara persembahan dalam bentuk-bentuk (*Form* atau *Visual*). Bentuk-bentuk yang dipersembahkan baginda begitu menarik kerana bukan saja ada kelainan-kelainan dan kepelbagaian dari sukukata dan rima malah terselit juga dengan gaya pantun, kepelbagaian diksi, kepelbagaian perulangan, perlambangan, nada dan rasa.

4. Tanggapan pengarang tentang masyarakat Brunei secara mikro dan makro serta wawasannya untuk

masa hadapan negara ini dan bangsanya juga telah dapat pengkaji jelaskan. Wawasan yang amat ketara ialah tentang betapa pentingnya manusia 'berakhlak' dan 'berhimpah tinggi'. Kesempurnaan akhlak bukan hanya berkepentingan pada diri persendirian malah amat besar ertinya pada lingkungan kekeluargaan, kemasyarakatan, kenegaraan, kebudayaan, penuntutan ilmu pengetahuan dan perekonomian.

Dengan penonjolan perihal-perihal tersebut secara tersurat (eksplisit) maka temanya secara tersirat (implisit) ialah 'tanpa akhlak akan menghancurkan diri, masyarakat dan negara'. Tema ini adalah menjadi hasrat pengarang baik semasa ada hayat baginda apatah lagi setelah ketiadaan baginda. Tema inilah juga diharapkan akan menjadi kenangan kepada rakyat, para petugas dan bakal-bakal pemimpin di Negara Brunei Darussalam.

5. Pengkaji juga menggolongkan Syair Kenangan ke dalam seni sastera yang berunsurkan Islam kerana

isinya bersandarkan kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Pendapat Aziz Juned dalam hal sastera Islam berbunyi:-

"... Pada saya... sastera Islam itu hanya akan dapat dipanggil sastera Islam apabila ia teradun dan dibancuh menurut pendekatan al-Quran, dalam makna mengawal semua aspek keunggulan, kebenaran dan kemuliaan dengan tidak mengabaikan nilai-nilai keindahan yang sangat-sangat diperlukan oleh sesebuah hasil sastera..."¹

Dengan demikian Syair Kenangan merupakan karya kreatif yang dapat membentuk insan kerana ia berjaya membawa mesej atau mengajak manusia ke arah kesempurnaan iman dan akhlak.

6. Pengkaji juga mengketegorkan Syair Kenangan sebagai sebuah karya seni yang baik dan bermutu kerana bukan saja ia sebagai bahan hiburan yang mengandungi nilai-nilai estetika luaran malah

1. Aziz Juned, "Sastera Islam Mesti Bersuluh Kepada Wahyu dan Ilmu Islam", Kertas kerja Simposium Serantau Sastera Islam, BSB., NBD: UBD., 16 - 18 November, 1992, hal. 15.

rakaman isinya menjadi wadah dan saranan baginda bagi mesej kepimpinan dan rakyat agar menjadi warga negara yang baik.

Oleh hal yang demikian, penyair Muda Omar 'Ali Saifuddien dapat dikatakan sebagai seorang pengarang yang mukalaf dan memiliki keprogresifan dalam pemikirannya. Baginda merupakan seorang yang mukalaf kerana baginda bersikap bertanggung-jawab atas semua tugas dalam membina semangat untuk berbakti terhadap agama, bangsa dan tanahair, menggarap hal-hal akhlak demi pembinaan tamadun manusia. Baginda juga berjaya mengangkat syair sebagai genre klasik yang mampu menjadi wadah bagi pemikiran yang progresif.

Dengan ini bermakna pengkaji sudah berjaya apa yang ingin pengkaji dapatkan dan telah dapat mencapai objektif yang dihasratkan.